

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
KAWASAN : PENGERANG
TARIKH : 18.6.2014 (RABU)
NO. SOALAN : 39

YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kelebihan dan keuntungan TPPA kepada Malaysia, dan juga apa yang mungkin berlaku sekiranya Malaysia tidak menyertai TPPA.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Perjanjian Perdagangan Bebas iaitu FTA, sepertimana TPPA bukanlah perkara baru bagi Malaysia. Sebelum ini Malaysia telahpun melaksanakan 12 FTA dengan negara-negara rakan dagang Malaysia. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN iaitu AFTA telah pun dilaksanakan semenjak tahun 1993 lagi. FTA memberi manfaat kepada Malaysia untuk memperolehi akses kepada pasaran lebih besar. Produk Malaysia akan lebih kompetitif berbanding negara yang tidak mempunyai FTA. Pengeksport perkhidmatan Malaysia juga boleh mengeksport perkhidmatan mereka ke negara rakan FTA seiring dengan liberalisasi sektor perkhidmatan di kalangan rakan-rakan FTA. Statistik menunjukkan jumlah perdagangan Malaysia dengan negara yang menandatangani FTA meningkat setelah FTA dilaksanakan dan Malaysia mendapat faedah daripada FTA. Sebagai contoh, sejak FTA antara China dan ASEAN dilaksanakan pada tahun 2005, perdagangan Malaysia dengan China telah meningkat tiga kali ganda kepada RM203.2 bilion pada tahun 2013 berbanding RM67.1 bilion pada tahun 2003. Eksport Malaysia ke China juga meningkat lebih dari tiga kali ganda kepada RM97 bilion bagi tahun 2013 berbanding RM25.8 bilion pada tahun 2003.

Satu contoh lagi ialah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA), di mana Australia telah menghapuskan duti ke atas 100% produk yang diimport dari Malaysia bermula pada 1 Jan 2013 secara serta merta apabila perjanjian tersebut berkuatkuasa. Ini telah menjadikan produk Malaysia lebih kompetitif di pasaran Australia.

Manakala Malaysia masih melaksanakan liberalisasi produk Australia secara berperingkat.

FTA-FTA yang ditandatangani oleh Malaysia dengan negara-negara Jepun, Australia dan Turki juga mempunyai peruntukan untuk program kerjasama di dalam sektor automotif. Di bawah Malayaia-Japan Econmic Partnership Agreement atau MJEPA, kedua-dua negara telah menubuhkan Kerjasama Industri Automotif (*Malaysia-Japan Automotive Industries Cooperation - MAJAICO*) yang bertujuan untuk membangunkan dan meningkatkan idustri automotif Malaysia untuk menjadi lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. MAJAICO merupakan program lima tahun dan telah tamat pada tahun 2011. Projek-projek di bawah MAJAICO meliputi penubuhan Pusat latihan Kemahiran Automotif, Program Pembangunan Perniagaan dan Kerjasama dalam Pameran. Walaupun program ini secara rasminya telah tamat, program MAJAICO dengan vendor tempatan masih berterusan dengan sokongan Institut Automotif Malaysia (MAI). Di bawah program MAJAICO, industri automotif Malaysia telah berjaya meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pelatih di dalam pelbagai bidang daripada bidang teknikal hinggalah kepada bidang rundingan perniagaan.

Di bawah MAFTA pula, program-program kerjasama di dalam sektor automatif yang sedang dibincangkan termasuklah projek penyelidikan dan pembangunan teknologi baru, pembangunan sumber manusia dan penubuhan Dialog Industri Automotif. Manakala Malaysia juga akan mensasarkan projek kerjasama dengan pihak Turki di dalam bidang automotif apabila perjanjian tersebut berkuatkuasa kelak.

Berbalik kepada TPPA, Kerajaan menjangkakan Malaysia akan mendapat faedah daripada penyertaan dalam rundingan TPPA. Ini adalah memandangkan pasaran yang terdapat di negara kita ini sangatlah terhad dengan pasaran **30 juta** berbanding **800 juta** pengguna negara TPPA ini dan gabungan KDNK sejumlah AS\$27.5 trillion. Ini secara langsung menyediakan akses pasaran global yang lebih besar kepada produk-produk tempatan seterusnya memberi peluang yang lebih besar kepada peniaga tempatan untuk memasarkan produk-produk mereka ke pasaran TPP. Sebagai negara yang bergantung kepada perdagangan luar, maka adalah rasional bagi Malaysia untuk terlibat di dalam inisiatif ini.

Di samping itu, Kerajaan berpandangan bahawa penglibatan Malaysia dalam rundingan TPPA ini amat penting untuk memastikan Malaysia masih berdaya saing. TPPA ini juga melibatkan empat negara rakan dagang iaitu Mexico, Peru, Kanada dan Amerika Syarikat yang buat masa ini Malaysia masih belum memeterai apa-apa perjanjian perdagangan dua hala dengan mereka. Tambahan lagi Amerika Syarikat mengenakan duti import yang tinggi terhadap produk-produk Malaysia seperti kelapa sawit dan tekstil.

TPPA juga boleh membuka peluang pelaburan melalui liberalisasi, fasilitasi, dan perlindungan pelabur di antara negara-negara yang menyertai perjanjian ini. Terma di dalam bab ini bukan hanya untuk melindungi pelabur luar yang melabur di Malaysia tetapi turut memberi jaminan dan perlindungan kepada pelabur Malaysia yang melabur di luar negara.

Selain itu, faedah menyertai perjanjian TPPA ini boleh dilihat dari aspek kerjasama antara Malaysia dan negara ahli. FTA dapat membantu bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal.

Sekiranya Malaysia tidak menyertai TPP, kredibiliti Malaysia sebagai negara perdagangan yang terbuka dan maju akan terjejas. Dari segi akses pasaran produk-produk, produk-produk Malaysia akan kehilangan daya saing berbanding produk-produk dari negara TPP memandangkan produk-produk tersebut tidak dapat menikmati layanan keutamaan tarif. Dalam pada itu, bagi eksport ke Kanada mungkin akan terjejas memandangkan Kanada akan menamatkan skim GSP bagi produk-produk Malaysia bermula pada 1 Januari 2015. Dengan menyertai TPPA dan apabila ianya dilaksanakan kelak, akses pasaran bagi produk-produk Malaysia ke Kanada akan terus dapat menikmati layanan keutamaan iaitu tanpa duti import atau duti import yang lebih rendah sebagaimana yang sedang dirundingkan di dalam TPPA.

Tanpa menyertai TPPA juga, pengeksport Malaysia akan menghadapi saingan hebat di pasaran TPPA berbanding negara-negara pesaing yang menjadi ahli seperti Viet Nam dan Singapura yang akan mendapat layanan keutamaan.

Dari segi pelaburan, sekiranya Malaysia tidak menyertai TPP, pelabur asing mungkin lebih cenderung memilih negara ahli TPP lain sebagai destinasi untuk pelaburan mereka memandangkan produk pengeluaran mereka dapat menikmati manfaat akses pasaran melalui layanan tarif berkeutamaan di antara negara rakan TPP. Ada juga kemungkinan pelaburan asing yang sedia ada di negara kita akan berpindah ke

negara ahli TPP contohnya ke Negara Viet Nam. Ini akan menjejaskan peluang pekerjaan dan seterusnya ekonomi negara.

Selain itu, pasaran TPP di jangka bertambah besar dengan penyertaan beberapa negara anggota APEC lain yang telah menunjukkan minat untuk menyertai TPP seperti Chinese Taipei, Filipina dan Korea Selatan. Pengecualian Malaysia daripada TPP akan menyebabkan Malaysia ketinggalan dalam rangkaian bekalan serantau (*regional supply chain*) pada masa akan datang. TPP juga dilihat sebagai satu platform untuk merangka peraturan perdagangan dan pelaburan alaf baru dan Malaysia tidak akan mendapat kelebihan sebagai '*first-mover*' untuk merangka peraturan-peraturan perdagangan dan pelaburan di dalam perjanjian tersebut sekiranya tidak menyertai TPP.

Ingin saya tegaskan bahawa objektif Kerajaan dalam rundingan TPPA adalah amat jelas iaitu kepentingan negara mesti dipertahankan, kita tidak terdesak untuk menyertai rundingan ini dan Malaysia hanya berunding dengan terma-terma yang boleh di terima pakai negara.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk Malaysia menyertai rundingan supaya kita dapat menetapkan perkara-perkara yang kita ingin ketengahkan dan kita dapat menyuarakan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita dan ingin kita lindungi.